Warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas, terdiri daripada **Anak Negeri Selangor dan Pemastautin menetap di Selangor 15 tahun dan ke atas** yang berkelayakan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:-

---

(a) **JAWATAN** : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N1
(b) **JABATAN** : Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor
(c) **TARAF JAWATAN** : Tetap
(d) **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : Pelaksana
(e) **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : Pentadbiran dan Sokongan
(f) **TARIKH TUTUP PERMOHONAN** : **31 Disember 2025**
(g) **JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM:** :

GRED GAJI	**MINIMUM** (RM)	**MAKSIMUM** (RM)	**KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN**
N1	1,500.00	4,680.00	100.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

(c)

i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
GRED N1 [Gaji permulaan pada: RM1,500.00); atau

ii. Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
GRED N1 [Gaji permulaan pada: RM1,500.00); atau

iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
GRED N1 [Gaji permulaan pada: RM1,561.00); atau

iv. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
GRED N1 [Gaji permulaan ialah pada: RM1,622.00).

KELAYAKAN SPM SEBAGAI SYARAT LANTIKAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM

2. a. Bagi tujuan pelantikan ke jawatan dalam perkhidmatan awam yang mensyaratkan kelayakan masuk di peringkat SPM, calon hendaklah memenuhi syarat minimum SPM berikut:
   i. dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus dalam satu peperiksaan SPM; **atau**
   ii. dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan SPM dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.

b. Selain itu, terdapat skim perkhidmatan tertentu yang mensyaratkan Kepujian/Lulus dalam mata pelajaran tertentu selain daripada keperluan memenuhi syarat kelayakan seperti 1(a)(i) dan 1(a)(ii) di atas.

KELAYAKAN SVM SEBAGAI SYARAT LANTIKAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM

3. a. Bagi tujuan pelantikan ke jawatan dalam perkhidmatan awam yang mensyaratkan kelayakan masuk di peringkat SVM, calon hendaklah memenuhi syarat minimum SVM berikut:
   i. mata pelajaran Bahasa Melayu (Kod 1104) di peringkat Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C); **dan**
   ii. kelayakan SVM dalam bidang berkaitan mengikut syarat skim perkhidmatan.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

4. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/SVM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS

5. Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas perkeranian selaras dengan fungsi tugas Jabatan/Bahagian yang berkenaan seperti tugas-tugas penyelenggaraan fail/dokumen, pengiraan, penyediaan laporan bulanan, statistik serta penyediaan.